



KEMENTERIAN  
PENDIDIKAN  
MALAYSIA



**MPU 21032**

**PENGHAYATAN ETIKA DAN PERADABAN**

**TAJUK : KEBUDAYAAN DAN PERPADUAN**

**KUMPULAN 4**

NAMA	NOMBOR MATRIK
<b>NUR AINUN ASYURA BINTI ARMAN</b>	<b>25DDT19F1147</b>
<b>JULIA NURAIN BINTI JOHARI</b>	<b>25DDT19F1172</b>
<b>NUR AMIRA ELLYANA BINTI JASMI</b>	<b>25DDT19F1182</b>

**PENSYARAH PEMERIKSA :**

**USTAZ KHAIRUL NAIM BIN SAMERI**

**KELAS :**

**DDT3 IS3**

**SESI JUN 2020**

NO.	ISI KANDUNGAN	MUKA SURAT
1	PENGENALAN	3
2	DEFINISI KEBUDAYAAN	3
3	PAKAIAN TRADISIONAL	KAUM MELAYU
4		KAUM CINA
5		KAUM INDIA
6		KAUM KADAZAN
7		KAUM IBAN
8	SAMBUTAN PERAYAAN	KAUM MELAYU
9		KAUM CINA
10		KAUM INDIA
11		KAUM KADAZAN
12		KAUM IBAN
13	MAKANAN TRADISIONAL	KAUM MELAYU
14		KAUM CINA
15		KAUM INDIA
16		KAUM KADAZAN
17		KAUM IBAN
18	TARIAN TRADISONAL	KAUM MELAYU
19		KAUM CINA
20		KAUM INDIA
21		KAUM KADAZAN
22		KAUM IBAN
23	USAHA YANG MENINGKATKAN DI MASYARAKAT	12
24	LANGKAH UNTUK MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN	13
25	PENUTUP	13
26	RUJUKAN	14
27	LAMPIRAN	14

## **PENGENALAN**

Budaya merangkumi setiap aspek kehidupan masyarakat tanpa mengira kaum, bangsa dan agama penganutnya. Perkataan ‘budaya’ berasal daripada cantuman perkataan ‘Sanskrit’ dan ‘Melayu’ yang membawa perngertian: ‘Kecergasan Fikiran dan Akal’. Budaya memberi maksud seseorang individu itu menggunakan segala kekuatan kuasa, tenaga dan pengaruh semula jadi bagi membantu menjana pemikiran mereka.

## **DEFINISI KEBUDAYAAN**

Perkataan ‘budaya’ berasal daripada bahasa Sanskrit, buddhayah iaitu kata jamak yang berasal daripada perkataan buddhi yang membawa maksud budi dan akal. Perkataan culture dalam bahasa Inggeris diambil daripada bahasa Latin, *colore* yang bererti mengolah dan mengerjakan. Berpandukan dua definisi ini mungkin dirasakan belum memadai untuk memberi gambaran yang jelas tentang maksud ‘kebudayaan’,

Dalam pengertian umum, ‘kebudayaan’ merupakan seluruh cara hidup masyarakat atau seluruh aspek pemikiran dan tingkah laku manusia yang diwarisi daripada satu generasi ke satu generasi yang lain melalui proses pembelajaran. Mengikut takrif kamus dewan pula, ‘kebudayaan’ membawa maksud cara hidup sebuah masyarakat, tamadun, peradaban dan kemajuan.

Justeru dapat dirumuskan bahawa ‘kebudayaan’ merupakan keseluruhan cara hidup manusia sama ada dalam bentuk fikiran, kepercayaan, perlakuan ataupun penghasilan dalam sesbuah masyarakat yang diterima oleh sebahagian besar anggota masyarakat itu dan diwarisi secara turun temurun. Pendek kata kebudayaan termasuklah bentuk sosial, politik, adat istiadat serta ekonomi sesbuah masyarakat.

## PAKAIAN TRADISIONAL

### KAUM MELAYU

Pakaian tradisional bagi kaum lelaki Melayu ialah baju Melayu. Baju Melayu bagi rakyat Malaysia terbahagi kepada dua iaitu baju Melayu potongan Teluk Belanga dan baju Melayu potongan cekak musang.



Pakaian tradisional kaum melayu bagi perempuan pula ialah baju kurung. Baju kurung boleh dipadankan dengan kain tradisional seperti songket atau batik. Selain itu, Baju kebaya juga adalah pakaian tradisional kaum melayu bagi perempuan yang dipakai dengan kancing berbunga atau kerongsang.



### KAUM CINA

Samfoo dipakai oleh kaum Cina lelaki. Pakaian ini terdiri daripada baju yang longgar dan terbelah di depan dan berkolar tinggi serta dipakai bersama seluar longgar. Hanfu juga merupakan pakaian tradisional kaum Cina lelaki. Hanfu telah membentuk gaya tradisional dari banyak negara-negara Asia seperti Kimono Jepun dan Hanbok Korea dengan gaya lengan lebar.



Pakaian tradisional kaum cina bagi perempuan pula ialah Cheongsam. Biasanya dipakai pada upacara-upacara tertentu seperti majlis perkahwinan dan semasa Tahun Baru Cina. Baju ini asalnya labuh tetapi lama-kelamaan disingkatkan hingga ke paras lutut.



## KAUM INDIA

Pakaian tradisional kaum india bagi lelaki pula ialah Dhoti. Pakaian ini diperbuat daripada kain yang bewarna putih. Kebanyakan dhoti hanya boleh dilihat di hari perkahwinan sahaja kerana generasi muda hari ini tidak berminat dengan pakaian tersebut. Pakaian ini banyak dipakai oleh golongan ceti.



Sari merupakan pakaian untuk kaum perempuan dan ia adalah pakaian sehari-hari dan turut dipakai pada musim perayaan. Kebanyakan kain sari adalah jarang dan lembut.



## KAUM KADAZAN

Pakaian istiadat masyarakat Kadazan dari Penampang. Lelakinya memakai baju gaung, seluar souva, bengkung toogot dan pakain kepala yang disebut siga. Wanita memakai baju pendek sinuangga, kain labuh tapi dan selendang batik dilengkapi tali pinggang himpogot.



## KAUM IBAN

Kain Sirat atau kain cawat adalah pakaian asas kaum Iban. Bahagian hujung kain ini dihiasi dengan sulaman atau tenunan yang indah. Sirat dipakai dengan cara melilitnya dipinggang dan celah kangkang. Selain itu, dangdong merupakan kain selendang yang dipakai oleh lelaki Iban. Wanita Iban memakai kain sarung yang dipanggil bidang. Kain sarung ini sempit dan panjangnya cuma lebih kurang separas lutut. Kebiasaannya bidang ini hanya dihias oleh reka corak jalur-jaluran yang bewarna-warni.



## **SAMBUTAN PERAYAAN**

### **KAUM MELAYU**

Hari Raya Aidilfitri setahun sekali yang diraikan dalam bulan syawal mengikut kalendar Islam. Pada hari ini diraikan sebagai hari kemenangan dan hari kegembiraan setelah semua umat islam berpuasa selama sebulan pada bulan Ramadan mengikut kalendar Islam, iaitu bulan



Hari Raya Aidiladha juga dikenali sebagai Hari Raya Korban. Pada hari ini, masyarakat Melayu akan berkorban binatang ternakan mereka sebagai mengenang kesanggupan Nabi Ismail mengorbankan diri demi ketaatan kepada Allah (SWT).




### **KAUM CINA**

Tahun Baru Cina (*Chinese New Year*) ini lebih mengutamakan perjumpaan keluarga yang diadakan menjelang hari tersebut. Masyarakat Cina memastikan sebelum perayaan ini menjelang, hutang hutang dibayar dan semua akaun ditutup. Persediaan bagi perayaan ini dibuat sejak hari ke- 24 bulan ke-12 lagi. Perayaan ini berlanjutan selama 3 minggu.



Chap Goh Mei ini diraikan pada hari ke-15 selepas tahun baru yang juga merupakan hari terakhir sambutan Tahun Baru Cina.




## KAUM INDIA

Deepavali ini juga dipanggil perayaan lampu. Diraikan dalam bulan 'Kartikal' dalam agama Hindu yang biasanya jatuh pada bulan Oktober atau November. Masyarakat India meraikan hari ini sebagai simbol keterangan yang boleh menghalau kuasa jahat (kegelapan).



Thaipusam ialah perayaan yang mula dirayakan di Tamil Nadu (India selatan). Namanya diambil daripada bahasa tamil sendiri iaitu Thai (selalunya merujuk pada bulan Januari atau Februari) dan Pusam (perayaan).



## KAUM KADAZAN

Tadau Kaamatan merupakan perayaan oleh masyarakat Kadazan di Negeri Sabah pada bulan Mei setiap tahun setelah selesai musim menuai padi.



## KAUM IBAN

Hari Gawai Dayak adalah hari menyambut tahun baru yang ditandakan dengan berakhirnya musim menuai padi dan bermulanya musim menanam padi yang baharu. Ia merupakan musim perayaan pesta-pesta tradisi dan sosial.



## MAKANAN TRADISIONAL

### **KAUM MELAYU**

Nasi lemak adalah hidangan masakan Melayu yang terdiri daripada beras wangi yang dimasak dalam santan dan daun pandan. Ia biasa dijumpai di Malaysia, di mana ia dianggap sebagai hidangan nasional.



Ketupat ialah sejenis hidangan daripada beras atau pulut yang dibungkus dengan daun kepala dan direbus dalam periuk yang terkenal di Malaysia. Di Malaysia, ketupat berkaitan dengan tradisi Aidilfitri.



### **KAUM CINA**

Yee Sang atau juga dikenali dengan nama Yusheng adalah makanan yang terdiri dari aneka salad dan ikan. Hidangan ini biasanya dihidangkan menjelang sambutan Tahun Baru Cina. Ia adalah lambing kemakmuran, kemewahan dan juga kekayaan.



Kuih bulan biasanya boleh didapati menjelang musim perayaan pertengahan musim luruh atau Tahun Baru Cina. Ia mempunyai rasa yang manis serta boleh dimakan begitu sahaja.



## KAUM INDIA

Tosai, ada juga yang menggelarnya thosai atau juga chakuli. Pelbagai pilihan tosai yang boleh dicuba seperti tosai telur, tosai cili, tosai bawang, tosai rawa, tosai ghee dan sebagainya.



Murukku juga adalah makanan tradisional masyarakat India. Kerangupan kuih ini diiringi dengan rempah ratus yang sedikit pedas membuatkan ia menjadi pilihan ramai menjelang hari – hari perayaan.



## KAUM KADAZAN

Hinava atau Hinava Ginapan merupakan salah satu hidangan tradisional bagi suku kaum Kadazan. Ia merupakan hidangan yang dihasilkan daripada isi ikan segar yang dicampurkan dengan biji buah bambangan yang telah diparut.



Pinaasakan merupakan sejenis hidangan yang dihasilkan dengan menggunakan isi ikan (ikan air tawar/ikan air laut). Ikan akan dibersihkan dan dicampur dengan sedikit biji kunyit dan halia yang telah ditumbuk.



## KAUM IBAN

Manuk Pansuh merupakan makanan popular ketika perayaan Hari Gawai. Ia ayam yang di masak di dalam buluh. Biasanya masyarakat Iban akan menggunakan ayam tua untuk dibuat “pansuh”. Makanan ini sedap dijadikan lauk semasa perayaan.



Pekasam Ensabi iaitu makanan tradisional kegemaran orang Iban merupakan sayur sawi yang dibuat jeruk hingga menjadikannya sebagai pekasam.



## **TARIAN TRADISIONAL**

### **KAUM MELAYU**

Tarian Mak Yong ini menggabungkan drama romantis, serta tarian dan nyanyian tradisional dengan gaya yang menawan, yang mengisahkan zaman kegemilangan kesultanan Melayu.



Tarian Zapin adalah pengaruh Islam ke atas tarian tradisional Malaysia boleh dilihat dengan sebuah tarian yang terkenal di negeri Johor. Tarian ini, yang diperkenalkan oleh para mubaligh dari Timur Tengah, pada mulanya digunakan dalam amalan berzikir yang bertujuan menyebarkan pengetahuan mengenai sejarah tamadun Islam.



### **KAUM CINA**

Tarian naga adalah aktiviti hiburan dan mempunyai seni yang unik. Di samping itu, bangsa Cina sangat memuja naga dan naga sebagai simbol tuah. Untuk Dinasti Tang dan Song, Tarian naga telah menjadi aktiviti semasa perayaan yang penting.



Tarian Kipas terkenal di Negeri Perak. Tarian ini tergolong dalam tarian istana kerana sering ditarikan pada majlis-majlis perkahwinan diraja. Penari-penarinya terdiri daripada wanita. Jumlah penari-penari antara 2 hingga 6 orang. Setiap penari memegang dua buah kipas.



## KAUM INDIA

Tarian Bharatanatyam adalah tarian tradisional masyarakat India dari Tamil Nadu, India. Istilah “bharatanatyam” berasal daripada gabungan suku kata “bha” (bhava, ekspresi), “ra” (raga, muzik), “ta” (tala, ritma) dan “natyam” (seni tarian dramatik)



Tarian Kathakali adalah tarian yang berasal dari Kerala (India Selatan). Tarian ini merupakan drama musical yang bermakna permainan cerita dan ditarikan untuk menggambarkan kemenangan kebenaran atas kesalahan. Para penari Kathakali menggunakan riasan wajah serta kostum tarian yang berwarna meriah.



## KAUM KADAZAN

Tarian Sumazau ini merupakan sejenis tarian tradisi rakyat Sabah yang amat terkenal di Sabah dan di seluruh Malaysia. Tarian ritualnya memenuhi pelbagai fungsi seperti tarian sumazau yang ditarikan untuk mengucap kesyukuran yang berkaitan dengan kegiatan menanam dan menuai padi dan juga untuk menolak bala, menyemah semangat, dan mengubati penyakit. Ia ditarikan semasa menyambut Pesta Kaamatan dan majlis jamuan.



## KAUM IBAN

Ngajat bagi orang-orang Iban ialah tarian semasa menyambut Hari Gawai orang-orang Iban sebelum berperang dan selepas musim menuai. Pada zaman dahulu tarian tersebut ditarikan selepas mereka kembali dari berperang. Tarian ini ditarikan dengan berdiri atas bulatan langsaran ke atas dan ke bawah, penari akan melompat bersama iringan lagu.



## **USAHA YANG BOLEH MENINGKATKAN DI MASYARAKAT SETEMPAT**

### **1. Program Pemuafakatan Masyarakat**

Aktiviti kemasyarakatan dapat mengukuhkan perpaduan kaum di negara kita. Melalui penganjuran aktiviti gotong-royong, masyarakat dapat memupuk semangat bekerjasama. Program pemuwafakatan antara masyarakat setempat boleh diadakan melalui program-program ilmiah seperti ceramah motivasi, aktiviti keagamaan, Makan beradab, majlis perkahwinan dan sebagainya.

### **2. Hari Keluarga dan Sukan Rakyat**

Program yang melibatkan seluruh ahli masyarakat boleh diadakan. Pelbagai acara dijalankan melibatkan semua peserta. Selain dapat menghilangkan perasaan tertekan dengan bebanan tugas, program ini dapat membina persefahaman, keteguhan perpaduan dan perasaan kasih sayang dalam kalangan seluruh warga masyarakat.

### **3. Acara kebudayaan dan kesenian**

Pelbagai acara berbentuk kebudayaan dan kesenian rakyat boleh diadakan seperti permainan tradisi, boria, dikir barat, persembahan kebudayaan setiap kaum di Malaysia dan lain-lain lagi yang disertai oleh anggota masyarakat. Selain dapat berhibur, semua yang terlibat dapat memahami dan mematuhi peraturan yang digariskan.

### **4. Majlis Sambutan Hari Raya, Ucapan Tahun Baru Cina dan Hari Deepavali**

Konsep rumah terbuka haruslah diperkuuh di negara kita. rumah terbuka yang diadakan pada hari perayaan dapat mewujudkan perpaduan kaum di negara kita. Rumah terbuka bermaksud satu perayaan agama yang disambut oleh pengikut pelbagai agama dengan tujuan untuk memupuk persefahaman dalam kalangan rakyat Malaysia. Amalan kunjung-mengunjungi ketika merayakan Hari Raya Aildilfitri, Tahun Baru Cina, Deepavali dan Hari Natal dapat memupuk silaturahim dalam kalangan rakyat yang berbilang kaum. Semasa menghadiri rumah terbuka, rakyat Malaysia boleh mengenali adat resam setiap kaum dengan lebih mendalam sekali gus dapat menjana sikap bertimbang rasa dan saling menghormati antara satu sama lain.

## **LANGKAH LANGKAH UNTUK MEMUPUK SEMANGAT PERPADUAN DI ANTARA KAUM DI MALAYSIA**

### **1. Penggunaan Bahasa kebangsaan**

Cara paling penting ialah penggunaan Bahasa kebangsaan. Hal ini demikian, penggunaan satu bahasa perhubungan dan persefahaman di antara satu kaum dengan yang lain dapat diwujudkan tanpa menimbulkan rasa curiga. Sebagai contohnya, bahasa melayu digunakan semasa berkomunikasi dengan kaum lain. Jelaslah, langkah ini mempercepatkan lagi perpaduan dan rasa harmoni antara kaum di negara ini.

### **2. Mengurangkan jurang ekonomi antara kaum**

Pihak kerajaan juga perlu beriltizam dalam mengurangkan jurang ekonomi antara kaum. Hal ini demi memastikan taraf kehidupan rakyat Malaysia sentiasa sama agar tidak wujud perselisihan faham dan prasangka antara kaum. Contohnya, kerajaan perlu menggalakkan pelbagai kaum untuk menyertai perkhidmatan kerajaan seperti angkatan tentera dan polis. Tegasnya, kerajaan perlu menyusun semula struktur ekonomi agar sernua kaum menceburi semua bidang ekonomi tidak dimonopoli oleh satu-satu kaum .

### **3. Melalui pendidikan**

Di sekolah, murid-murid yang berbilang kaum akan berinteraksi, bergaul , bermain dan sebagainya semasa melakukan aktiviti- aktiviti semasa P & P ataupun aktiviti kokurikulum. Dengan cara ini, generasi Malaysia yang lebih bersefahaman, bekerjasama dan bersatu padu mampu dilahirkan. Selain itu, menerusi sukanan pelajaran Bahasa Melayu, Sejarah dan Pendidikan Sivik dan Kewarganegaraan, sifat perpaduan kaum dapat dipupuk dalam kalangan murid. Jelasnya, generasi muda akan sedar akan peranan mereka untuk mengukuhkan perpaduan kaum menerusi peranan yang dimainkan oleh pihak sekolah.

#### 4. Majlis Kebudayaan

Perpaduan kaum dalam kalangan masyarakat dapat diwujudkan menerusi kepelbagaian kebudayaan. Kepelbagaian kaum dan budaya di Malaysia merupakan aspek yang penting untuk mewujudkan perpaduan. Walaupun terdiri daripada latar belakang yang berbeza, namun apabila dikaitkan dengan kebudayaan, semua rakyat boleh menerimanya tanpa wujud prasangka. Apabila diadakan sesuatu persembahan untuk meraikan hari kebesaran atau menerima kedatangan orang kenamaan, akan dipersembahkan tarian oleh pelbagai kaum seperti tarian Zapin dan tarian Inang oleh masyarakat Melayu. Tarian kipas dan tarian singa oleh masyarakat Cina, Tarian Bharatanatiam dan Tarian Kollattam oleh masyarakat India.

#### **PENUTUP**

Sebagai rakyat yang berbilang kaum seharusnya kita mengambil iktibar bahawa perpaduan hanya dapat dicapai jika semua rakyat bersatu padu , bertolak ansur, hormat menghormati antara sesama angota masyarakat. Walaupun rakyat Malaysia terdiri daripada pelbagai pengikut agama dan mengamalkan budaya berbeza, sifat kebersamaan serta cintakan keharmonian dan keamanan perlu ada bagi merealisasikan matlamat perpaduan nasional.Kesepaduan dalam rakyat sebenarnya lahir daripada semangat penerimaan dan rasa hormat tinggi antara kaum dan agama. Justeru, keutamaan harus diberi kepada usaha membina sikap penerimaan diiringi nilai keluhuran budi pekerti dalam masyarakat.Keharmonian dan kesejahteraan dalam hubungan masyarakat akan hanya dapat diwujudkan jika setiap individu mempunyai pemahaman baik terhadap peranan masing-masing untuk menerapkan nilai murni dalam interaksi sehari-hari.

## **RUJUKAN**

<https://ibans502sivik.wordpress.com/2017/06/23/makanan-tradisional-masyarakat-iban/>

<http://tarianmalaysia29.blogspot.com/>

<http://groupmakanan.blogspot.com/>

<https://www.slideshare.net/ltkaz67/pakaian-dan-perayaan-etnik-di-malaysia>

<http://tarshu14.blogspot.com/2015/08/>

## **LAMPIRAN**

